

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pelajar tingkatan dua juara roket air Asia Pasifik	BERNAMA
2.	Malaysia juara roket air Asia Pasifik	Berita Harian
3.	Pelajar tingkatan dua juara Kejohanan Roket Air Asia Pasifik	KOSMO
4.	Pelajar SMK LPT juara pertandingan roket air di Filipina	Berita Harian
5.	Tewaskan 57 peserta dari 12 negara	Harian Metro
6.	Ikmal Hakim juara roket air peringkat Asia Pasifik	Harian Metro
7.	Supermoon awes moon-gazers in Kuala Nerus	BERNAMA
8.	Supermoon tarik perhatian ramai	BERNAMA
9.	Nampak jelas dari Anjung Tinjau KLIA2	Harian Metro
10.	'Supermoon' dengan jarak 380,000 km di KLIA	Utusan Malaysia
12.	Bulan mengambang besar 'supermoon' tarik perhatian ramai	Malay Mail
13.	Supermoon wows moon gazers in Terengganu	Malay Mail
14.	MTDC, MOSTI ink cooperation agreement worth RM2.5 million	BERNAMA
15.	MOSTI invest RM2.5m in local technopreneurs	Malay Mail
16.	Lapan syarikat terima dana biayai projek MSI	Utusan Malaysia
17.	MTDC, MOSTI meterai kerjasama RM2.5 juta	Berita Harian
18.	Malaysia Nuclear Agency yields two new, weather-Hardy Padi strains	BERNAMA
19.	Bulan penuh malu	Harian Metro

20.	Fenomena supermoon bukti kekuasaan Allah	Utusan Malaysia
21.	Cuaca halang fenomena supermoon dilihat jelas	Berita Harian
22.	Berjuta rakyat saksikan supermoon	KOSMO
23.	Cals seas in Penang, rough in the south	Malay Mail
24.	Space technology every day	The Star
25.	We come in peace and curiosity	The Star
26.	Deep impact	The Star



Pelajar Tingkatan Dua Juara Rocket Air Asia Pasifik



Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya menyambut kepulangan johan keseluruhan Pertandingan Rocket Air Peringkat Asia Pasifik, Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, dari SMK Langkawi, Pulau Tuba, Langkawi serta rakan-rakannya yang turut menyertai pertandingan itu sejurus tiba dari Filipina di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2)

SEPANG, 14 Nov (Bernama) -- Pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Langkawi Pulau Tuba, Langkawi, Kedah, mengharumkan nama Malaysia apabila menjuarai Kejohanan Rocket Air Peringkat Asia Pasifik di Los Banos, Laguna, Filipina.

Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, menewaskan 57 peserta dari 12 pasukan di rantau Asia Pasifik apabila roket ciptaannya dengan botol plastik berjaya mencatatkan jarak hanya sejauh 1.5 meter daripada sasaran.

Pertandingan itu memerlukan setiap peserta melancarkan roket setepat yang mungkin ke sasaran yang terletak sejauh 80 meter dan setiap peserta dinilai secara individu bagi jarak yang terdekat dengan sasaran.

Khairul Ikmal Hakim adalah antara empat pelajar negara ini yang menyertai acara yang diadakan sempena Forum Agensi Angkasa Serantau Persidangan Asia Pasifik (APRSAF) ke-23 di Universiti Filipina, Los Banos.

Beliau membawa pulang hadiah berupa model roket H-IIB Launch Vehicle dan sijil penyertaan.

Selain Khairul Ikmal Hakim, turut serta menyertai kejohanan tersebut ialah rakan sekolahnya, Rohizad Zarain, 15, dan juga guru pembimbing, Mohd. Jazrinizad Jamaludin.

Dua peserta lain adalah pelajar dari SMK Tinggi Kajang, Selangor iaitu Amir Haziq Noor Alif Wira, 16, dan P. Hariharan, 16, serta guru pembimbing, Noralina Ishak.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd Azhar Yahaya hadir menyambut kepulangan kedua-dua pasukan Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (klia2), di sini hari ini.

Beliau berkata ini merupakan kali kedua Malaysia menjuarai pertandingan ini setelah

menjuarainya pada tahun 2014 di Tokyo.

Sementara itu, Khairul Ikmal berkata pengalaman tahun lepas setelah gagal di peringkat kebangsaan membantu beliau menjuarai kejohanan kali ini.

Beliau yang berkecimpung dalam permainan roket air sejak dua tahun lalu berterima kasih kepada guru yang memberi tunjuk ajar sehingga menjuarai kejohanan tertinggi roket air.

"Saya akan mempergiatkan latihan agar dapat melayakkan diri untuk mewakili Malaysia dalam kejohanan yang sama di Korea Selatan tahun depan," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INSPIRASI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)



Ketua Setiausaha Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya mengangkat tangan Khairul Ikmal Hakim yang menjuarai pertandingan roket air sempena Asia Pacific Regional Space Agency Forum Ke-23 di Laguna, Filipina, kelmarin setiba di Sepang, semalam.

Malaysia juara roket air Asia Pasifik

➔ 2 pelajar SMK Langkawi Pulau Tuba dapat saingan hebat daripada peserta negara lain

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

► Langkawi

Pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi Pulau Tuba (SMK-LPT) di sini, mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan johan pertandingan roket air sempena Asia Pacific Regional Space Agency Forum (APRSF) Ke-23 di Laguna, Filipina, kelmarin.

Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, adalah antara empat pelajar negara ini yang menyertai acara

itu, termasuk rakan sekolahnya, Rohizad Zarain, 15.

Dua peserta lain adalah Amir Haziq Noor Alif Wira dan P Harriharan, masing-masing berusia 16 tahun dari Sekolah Menengah Tinggi Kajang, Selangor.

Saingan hebat

Penyertaan peserta negara ke acara itu ditaja sepenuhnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan kemenangan itu membolehkan Khairul Ikmal Hakim membawa pulang piala dan sijil penyertaan.

Khairul Ikmal Hakim ketika di-



Saya cuba lakukan yang terbaik untuk negara dan berkat doa serta tunjuk ajar semua pihak, akhirnya kejayaan memihak kepada Malaysia"

Khairul Ikmal Hakim Nurisyam,
Pelajar SMK Langkawi Pulau Tuba

hubungi berkata, dia tidak menyangka meraih tempat pertama kerana saingan peserta negara lain, terutama Indonesia cukup hebat.

"Saya cuba lakukan yang terbaik untuk negara dan berkat doa serta tunjuk ajar semua pihak, akhirnya kejayaan memihak kepada Malaysia," katanya.

Sementara itu, guru pembimbingnya, Mohd Jazrinizad Jamaludin, berkata kejayaan itu amat membanggakan kerana dua pelajarnya itu sebelum ini mencipta nama dalam pertandingan sama pada peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur pada 30 Ogos lalu.



Pelajar Tingkatan Dua juara Kejohanan Roket Air Asia Pasifik



SEPANG - Pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Langkawi Pulau Tuba, Langkawi, Kedah, mengharumkan nama Malaysia apabila menjuarai Kejohanan Roket Air Peringkat Asia Pasifik di Los Banos, Laguna, Filipina.

Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, menewaskan 57 peserta dari 12 pasukan di rantau Asia Pasifik apabila roket ciptaannya dengan botol plastik berjaya mencatatkan jarak hanya sejauh 1.5 meter daripada sasaran.

Pertandingan itu memerlukan setiap peserta melancarkan roket setepat yang mungkin ke sasaran yang terletak sejauh 80 meter dan setiap peserta dinilai secara individu bagi jarak yang terdekat dengan sasaran.

Khairul Ikmal Hakim adalah antara empat pelajar negara ini yang menyertai acara yang diadakan sempena Forum Agensi Angkasa Serantau Persidangan Asia Pasifik (APRSAF) ke-23 di Universiti Filipina, Los Banos.

Beliau membawa pulang hadiah berupa model roket H-IIB Launch Vehicle dan sijil penyertaan. - Bernama

Artikel

Penuh: http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=1114&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_33.htm#ixzz4Q2YKAbiv



Pelajar SMKLPT juara pertandingan roket air di Filipina

LANGKAWI: Pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Langkawi Pulau Tuba (SMKLPT) di sini, mengharumkan nama Malaysia apabila meraih tempat pertama dalam acara Roket Air sempena Asia Pacific Regional Space Agency Forum (APRSAP) ke-23 di Laguna, Filipina semalam.

Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, adalah antara empat pelajar negara ini yang menyertai acara itu termasuk rakan sekolahnya, Rohizad Zarain, 15, dengan kedua-dua mereka diiringi guru pembimbing, Mohd Jazrinizad Jamaludin.

Dua peserta lain adalah Amir Haziq Noor Alif Wira dan P Hariharan, masing-masing berusia 16 tahun yang diiringi guru pembimbing Noralina Ishak dari Sekolah Menengah Tinggi Kajang di Selangor.



KHAIRUL Ikmal Hakim Nurisyam menunjukkan sijil dan piala yang dimenangi selepas meraih tempat pertama dalam acara Roket Air sempena Asia Pacific Regional Space Agency Forum (APRSAP) ke-23 di Laguna, Filipina semalam. - Foto Mohd Sharunnisham Shahbudin

Penyertaan peserta negara ke acara itu ditaja sepenuhnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan kemenangan itu membolehkan Khairul Ikmal Hakim membawa pulang piala dan sijil penyertaan.

Ketika dihubungi di Filipina, Khairul Ikmal Hakim berkata, dia tidak menyangka meraih tempat pertama kerana saingan daripada peserta negara lain terutama Indonesia cukup hebat.

"Saya cuba lakukan yang terbaik untuk negara dan berkat doa serta tunjuk ajar semua pihak, akhirnya kejayaan memihak kepada Malaysia," katanya.

Mohd Jazrinizad pula berkata, kejayaan itu amat membanggakan kerana dua pelajarnya itu sebelum ini mencipta nama dalam pertandingan sama di peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur pada 30 Ogos lalu.

"Kami dalam perjalanan pulang," katanya ringkas berikutan dalam perjalanan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino, Manila, Filipina untuk pulang ke tanah air.



Tewaskan 57 peserta dari 12 negara



Mohd Azhar Yahaya mengangkat tangan Khairul Ikmal Hakim yang menjuarai kejohanan roket air peringkat Asia Pasifik ketika sambutan kepulangan kontinjen Malaysia di klia2. FOTO MOHD FADLI HAMZAH

Sepang: Pengalaman menyertai pelbagai kejohanan roket air di peringkat negeri dan kebangsaan cukup berharga buat seorang pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi Pulau Tuba, Langkawi apabila dia dinobatkan juara di Kejohanan Roket Air Peringkat Asia Pasifik yang berlangsung di University of The Philippines, Los Banos, Laguna, Filipina pada 11 hingga 13 November lalu.

Kejayaan diraih oleh Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, itu mengulangi kejayaan pasukan negara pada kejohanan sama di Tokyo, Jepun dua tahun lalu.

Lebih manis, kejayaan itu diperoleh Khairul Ikmal pada penyertaan kali pertamanya di kejohanan peringkat antarabangsa, malah kemenangan itu tidak mudah kerana dia perlu bersaing dengan 57 peserta dari 12 buah negara.

Dia yang ditemui sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) tadi berkata, kemenangan itu tidak mudah namun, dia berterima kasih kepada semua pihak terutama gurunya diatas tunjuk ajar untuk menghasilkan roket air yang baik dan sempurna.

"Setiap roket air yang dihasilkan perlu mematuhi beberapa faktor terutama ketepatan ketumpatan air, dongakan pelancaran dan reka bentuk roket.

"Setiap peserta diberi satu peluang latihan dan dua percubaan dimana saya memenangi kejohanan itu pada percubaan kali kedua dengan jarak 1.5 meter," katanya.

Katanya, kejayaan itu membolehkan dia membawa pulang replika roket H-IIB Launch Vehicle sumbangan Agensi Penjelajahan Aeroangkasa Jepun (JAXA); pembesar suara mudah alih tanpa wayar; power bank; sijil kecemerlangan dan hadiah iringan.

Malaysia menghantar empat wakil pada kejohanan itu iaitu rakan sekolah Khairul Ikmal, Rohaizad Zarain selain dua pelajar dari Sekolah Menengah Tinggi Kajang, P Hariharan dan Amir Haziq Noor Alif Wira.

Ketibaan mereka di klia2 disambut oleh **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya.**

Sementara itu, Mohd Azhar berkata, kejayaan diperoleh pelajar berkenaan diharap dapat menjadi perangsang kepada lebih ramai pelajar untuk menceburi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya dalam bidang aeroangkasa.

"Kejayaan ini adalah permulaan buat mereka dan kami berharap mereka dapat meneroka lebih banyak teknologi dalam bidang angkasa lepas pada masa depan," katanya.

Katanya, kejohanan itu adalah penganjuran paling berprestij di dunia dan ia disertai oleh peserta dari China; Jepun; Filipina, Singapura; Thailand; Sri Lanka; Vietnam; India; Kemboja; Bangladesh; Indonesia dan Nepal.

Ia dianjurkan oleh JAXA dengan kerjasama Jabatan Teknologi dan Sains Filipina (DOST) bersempena Persidangan Agensi Angkasa Serantau Peringkat Asia Pasifik kali ke-23.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Langkawi: Pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi Pulau Tuba (SMKLPT), mengaharumkan nama negara apabila meraih tempat pertama acara Roket Air Peringkat Asia Pasifik di Laguna, Filipina, kelmarin.

Pelajar terbabit Khairul Ikmal Hakim Nurisyam, 14, antara empat pelajar Malaysia yang menyertai acara itu sempena Persidangan Asia Pacific Regional Space Agency Forum (APRSF) ke-23 yang berlangsung di tempat sama.

Selain Khairul Ikmal Hakim, turut serta menyertai acara itu rakan sekolahnya, Rohizad Zarain, 15, dan guru pembimbing, Mohd Jazrinizad Jamaludin.

Dua peserta lain ialah pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Tinggi Kajang, Selangor iaitu Amir Haziq Noor Alif Wira dan P Hariharan serta seorang guru pembimbing.

Penyertaan peserta negara ke acara itu ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Kemenangan itu membolehkan Khairul Ikmal Hakim membawa pulang piala

Ikmal Hakim juara roket air Peringkat Asia Pasifik



KHAIRUL Ikmal menunjukkan sijil dan piala yang dimenangi selepas meraih tempat pertama Acara Roket Air Peringkat Asia Pasifik di Laguna, Filipina.

dan sijil penyertaan.

Khairul Ikmal ketika dihubungi di Filipina berkata, dia tidak menyangka dapat

meraih tempat pertama kerana saingan daripada peserta negara lain terutama Indonesia juga hebat.



Supermoon Awes Moon-Gazers In Kuala Nerus



KUALA NERUS, Nov 14 (Bernama) -- The Supermoon phenomenon awed many moon-gazers here tonight, especially those who would not want to wait another 18 years to watch it.

Among the locations flooded by the moon-gazers were at the Science and Creativity Centre of the Islamic Civilisation Park, around the Crystal Mosque and along the Tok Jembal Beach.

An executive, who wanted to be known only as Aishah, 40, said she would not want to miss the opportunity to watch the Supermoon after reading about it on social media.

"It's very bright and big. I don't know if I would have another chance to watch it again...in 18 years, I'll be 58," said the woman who watched the moon with her friends at the Tok Jembal Beach.

Meanwhile, some 1,000 moon-gazers, including school children also enjoyed the experience to watch the Supermoon through the tool and equipment provided at the Science and Creativity Centre.

They were also provided with detailed explanation on the phenomenon by the staff between 8 pm and 10 pm.

The **National Space Agency (Angkasa)** in a statement earlier stated that the Supermoon or 'perigee' phenomenon this time around would enable the people around the world to see the moon at its biggest size ever as it would be in the closest distance to Earth in 68 years.

According to Angkasa, the next Supermoon phenomenon would only occur in another 18 years.

In SEPANG, over 100 visitors at the KL International Airport 2 (klia2) were able to enjoy observing the Supermoon using telescopes made available by Angkasa at the airport.

Also present were **Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** and National Planetarium officer Mohd Zamri Shah Mastor.

-- BERNAMA



Supermoon Tarik Perhatian Ramai



KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Masyarakat Malaysia tidak melepaskan peluang untuk melihat Bulan Penuh Perigee atau fenomena Supermoon dengan mengunjungi beberapa lokasi lapang dengan membawa antara lain kamera dan telefon bimbit untuk merakamkan gambar Supermoon.

Ahli astronomi menyifatkan bulan akan berada pada jarak paling dekat dengan bumi sejak 68 tahun dan fenomena ini dijangka berlaku 18 tahun akan datang.

Di SEPANG, lebih 100 pengunjung di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (klia2) tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan Fenomena Supermoon dengan arak dekat menggunakan teleskop yang disediakan **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)**.

Sesi pencerapan Supermoon boleh dilihat pada 7.20 malam sehingga 9.54 malam amun begitu, di klia2, fenomena berkenaan hanya boleh dilihat pada 9.30 malam berikutan langit dilindungi awam.

Orang ramai kelihatan teruja dan mengambil peluang bergambar berlatar belakang Supermoon.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Di KUALA NERUS, Terengganu, orang ramai berkumpul sejak petang tadi di beberapa lokasi pelancongan, antaranya di Pusat Sains dan Kreativiti, Taman Tamadun Islam, berhampiran Masjid Kristal dan Pantai Tok Jembal.

Rata-rata mereka ditemui Bernama menyatakan rasa keterujaan mereka untuk memerhati keindahan suasana tersebut dan merakam gambar untuk kenang-kenangan.

Seorang eksekutif yang hanya mahu dikenali sebagai Aishah, 40, berkata beliau tidak mahu melepaskan peluang melihat situasi Supermoon setelah membaca mengenai

fenomena itu di media sosial.

"Tidak pasti saya masih berpeluang melihatnya lagi atau tidak selepas ini sebab usia saya pada masa itu akan mencecah 58 tahun," katanya yang berkunjung ke Pantai Tok Jembal di sini bersama beberapa rakannya.

Sementara itu seramai 1,000 orang hadir di Pusat Sains dan Kreativiti termasuk pelajar bagi melihat lebih dekat menerusi peralatan yang disediakan.

Bermula pukul 8 hingga 10 malam, petugas di pusat tersebut turut memberi penerangan mengenai keadaan fenomena itu bagi memberi kefahaman lanjut.

Selain itu, beberapa orang masyarakat Thai beragama Buddha yang berada di Terengganu turut mengambil peluang kehadiran Supermoon dengan mengadakan pesta Loy Krathong di sekitar Pulau Warisan, di sini.

Loy Krathong adalah salah satu cara mereka menunjukkan rasa berterima kasih kepada Dewi Air dengan melancarkan bekas berbentuk bunga teratai yang dihias dengan bunga, duit siling, lilin dan colok.

Menurut Angkasa, walaupun fenomena ini pernah berlaku pada 6 Mei 2012, 23 Jun 2013, 10 Ogos 2014 dan 28 Sept 2015, namun kejadian kali ini adalah Supermoon terbesar.

-- BERNAMA



Nampak jelas dari Anjung Tinjau klia2



Sepang: Lebih 100 orang pengunjung Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan fenomena Supermoon dari Anjung Tinjau, klia2 di sini malam tadi.

Dua teleskop disediakan Planetarium Negara bagi membolehkan orang ramai melihat fenomena berkenaan.

Pegawai Sains Planetarium Negara, Mohd Zamri Shah Mastor berkata, pihaknya mula berada di Anjung Tinjau sejak jam 7 malam sebelum fenomena itu dapat dilihat dengan jelas kira-kira jam 9.30 malam.

Menurutnya, biarpun langit pada mulanya dilindungi awan, Supermoon di klia2 dapat dilihat dengan jelas dari jarak 380,000 kilometer.

"Peluang ini jarang diperolehi dan akan mengambil masa yang lama untuk berulang," katanya ketika ditemui di sini malam tadi.

Katanya, fenomena itu adalah Supermoon terbesar yang berada pada jarak paling dekat dengan bumi sejak 68 tahun lalu.

Aktiviti pencerapan itu turut disaksikan fenomena oleh **Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya.**



'Supermoon' dengan jarak 380,000 km di KLIA



Fenomena bulan besar atau Supermoon dapat dilihat berhampiran di KLIA2 malam ini. Supermoon kali ini merupakan kedudukan bulan berada paling hampir dengan bumi sejak 68 tahun lepas dan tidak akan sehampir ini dengan bumi lagi sehinggalah November 2034 di KLIA2, Sepang, Selangor malam ini. Gambar: RASHID MAHFOF Wartawan: HAKIMI (AM UTUSAN)

SEPANG 14 Nov.- Fenomena bulan mengambang atau lebih dikenali sebagai 'Supermoon' berjaya dirakam dengan jarak 380,000 kilometer (km) di KLIA2 di sini malam ini.

Pegawai Sains Planetarium Negara, Mohd. Zamri Shah Mastur berkata, fenomena itu merupakan 'Supermoon' terbesar yang berada pada jarak paling dekat dengan bumi sejak 68 tahun lalu. Beliau berkata, fenomena tersebut berlaku pada pukul 7.24 malam dan seterusnya berada pada fasa penuh atau purnama pada 9.54 malam.

“Walaupun dilindungi awan, 'Supermoon' di KLIA2 dapat dilihat dengan jarak 380,000km, peluang ini jarang diperolehi dan akan mengambil masa yang lama untuk berulang,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Terdahulu kira-kira 100 pengunjung di KLIA2 tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan fenomena ini dengan jarak lebih dekat menggunakan teleskop yang disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Turut hadir menyaksikan fenomena tersebut ialah **Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya.**

Keadaan bulan di kedudukan paling hampir dengan bumi ketika fasa purnama menyebabkan bulan kelihatan seolah-olah lebih besar daripada keadaan biasa. Bagaimanapun, saiz fizikal bulan sebenarnya tidak berubah sama sekali. - UTUSAN ONLINE

- See more at: <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/supermoon-dengan-jarak-380-000-km-di-klia-1.407584#sthash.JPopoBaA.dpuf>



Bulan mengambang besar 'supermoon' Tarik perhatian ramai



Fenomena bulan besar atau 'Supermoon' tidak dapat dilihat dengan jelas kerana awan tebal ketika tinjauan fenomena itu disekitar ibu kota malam tadi. — Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 15 Nov — Masyarakat Malaysia tidak melepaskan peluang untuk melihat Bulan Penuh Perigee atau fenomena Supermoon dengan mengunjungi beberapa lokasi lapang dengan membawa antara lain kamera dan telefon bimbit untuk merakamkan gambar Supermoon.

Ahli astronomi menyifatkan bulan akan berada pada jarak paling dekat dengan bumi sejak 68 tahun dan fenomena ini dijangka berlaku 18 tahun akan datang.

Di Sepang, lebih 100 pengunjung di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur klia2) tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan Fenomena Supermoon dengan jarak dekat menggunakan teleskop yang disediakan Agensi Angkasa Negara (Angkasa).

Sesi pencerapan Supermoon boleh dilihat pada 7.20 malam sehingga 9.54 malam tadi namun begitu, di klia2, fenomena berkenaan hanya boleh dilihat pada 9.30 malam berikutan langit dilindungi awam.

Orang ramai kelihatan teruja dan mengambil peluang bergambar berlatarbelakangkan Supermoon.

Hadir sama ialah **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya.**

Di Kuala Nerus, Terengganu, orang ramai berkumpul sejak petang semalam di beberapa lokasi pelancongan, antaranya di Pusat Sains dan Kreativiti, Taman Tamadun Islam, berhampiran Masjid Kristal dan Pantai Tok Jembal.

Rata-rata mereka ditemui Bernama menyatakan rasa keterujaan mereka untuk memerhati keindahan suasana tersebut dan merakam gambar untuk kenang-kenangan.

Seorang eksekutif yang hanya mahu dikenali sebagai Aishah, 40, berkata beliau tidak mahu melepaskan peluang melihat situasi Supermoon setelah membaca mengenai fenomena itu di media sosial.

“Tidak pasti saya masih berpeluang melihatnya lagi atau tidak selepas ini sebab usia saya pada masa itu akan mencecah 58 tahun,” katanya yang berkunjung ke Pantai Tok Jembal di sini bersama beberapa rakannya.

Sementara itu seramai 1,000 orang hadir di Pusat Sains dan Kreativiti termasuk pelajar bagi melihat lebih dekat menerusi peralatan yang disediakan.

Bermula pukul 8 hingga 10 malam, petugas di pusat tersebut turut memberi penerangan mengenai keadaan fenomena itu bagi memberi kefahaman lanjut.

Selain itu, beberapa orang masyarakat Thai beragama Buddha yang berada di Terengganu turut mengambil peluang kehadiran Supermoon dengan mengadakan pesta Loy Krathong di sekitar Pulau Warisan, di sini.

Loy Krathong adalah salah satu cara mereka menunjukkan rasa berterima kasih kepada Dewi Air dengan melancarkan bekas berbentuk bunga teratai yang dihias dengan bunga, duit siling, lilin dan colok.

Menurut Angkasa, walaupun fenomena ini pernah berlaku pada 6 Mei 2012, 23 Jun 2013, 10 Ogos 2014 dan 28 September 2015, namun kejadian kali ini adalah Supermoon terbesar.

— Bernama



Supermoon wows moon-gazers in Terengganu



Supermoon phenomenon awed many moon-gazers here last night, especially those who would not want to wait another 18 years to watch it.

Among the locations flooded by the moon-gazers were at the Science and Creativity Centre of the Islamic Civilisation Park, around the Crystal Mosque and along the Tok Jembal Beach.

An executive, who wanted to be known only as Aishah, 40, said she would not want to miss the opportunity to watch the Supermoon after reading about it on social media.

"It's very bright and big. I don't know if I would have another chance to watch it again...in 18 years, I'll be 58," said the woman who watched the moon with her friends at the Tok Jembal Beach.

Meanwhile, some 1,000 moon-gazers, including school children also enjoyed the experience to watch the Supermoon through the tool and equipment provided at the Science and Creativity Centre.

They were also provided with detailed explanation on the phenomenon by the staff between 8 pm and 10 pm.

The National Space Agency (Angkasa) in a statement earlier stated that the Supermoon or 'perigee' phenomenon this time around would enable the people around the world to see the moon at its biggest size ever as it would be in the closest distance to Earth in 68 years.

According to Angkasa, the next Supermoon phenomenon would only occur in another 18 years.

In Sepang, over 100 visitors at the KL International Airport 2 (klia2) were able to enjoy observing the Supermoon using telescopes made available by Angkasa at the airport.

Also present were **Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** and National Planetarium officer Mohd Zamri Shah Mastor.
— Bernama



MTDC, MOSTI Ink Cooperation Agreement Worth RM2.5 Million

KUALA LUMPUR, Nov 14 (Bernama) -- **The Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)** has inked a cooperation agreement worth RM2.5 million with eight technology/service providers under **the Ministry of Science Technology and Innovation's (MOSTI)** Social Innovation initiative.

The MOSTI's Social Innovation (MSI) is one of the initiatives implemented under the innovation game changer programme, for which MOSTI was given the mandate by the government, to deliver quick-win, low-cost, swift execution, demand-driven, high-impact and sustainable projects.

MTDC Chief Executive Officer Datuk Norhalim Yunus said under the agreement, various projects, services, training and innovative measures would be undertaken to improve the wellbeing of the community, comprising the elderly, the poor, and women.

"The MTDC is proud to partner the Commercialisation of Research and Development Fund (CRDF) recipient companies, as well as universities, as the projects involved will help improve the well-being of the community," he told reporters at the signing ceremony of the agreement here today.

The companies involved in the cooperation are RVR Diagnostics Sdn Bhd, Membrane Technology Sdn Bhd, Norsym Sdn Bhd, Phytogold Sdn Bhd, Novapave Sdn Bhd, Tripple A Engineering Sdn Bhd, LaDIY Healthcare Sdn Bhd and Cell Tissue Technology Sdn Bhd.

The MTDC currently manages five funds, namely the CRDF, Technology Acquisition Fund (TAF), Halal Fund, Business Start-Up Fund (BSF), Business Growth Fund (BGF) and Business Expansion Fund (BEF).

It was reported that the MTDC would spend RM163 million next year to enhance commercialisation activities in the technology sector.

MTDC, a wholly-owned subsidiary of Khazanah Nasional Bhd, is a key player in the commercialisation and management of government funding since the seventh Malaysia Plan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (MONEY) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Mosti invests RM2.5m in local technopreneurs

By Ushar Daniele
ushar@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Local entrepreneurs yesterday received RM2.5 million in funding under the Science, Technology and Innovation Ministry's (Mosti) Social Innovation Programme.

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) signed a cooperation agreement with eight technology and services providers under the programme yesterday.

MTDC — which is owned by sovereign wealth fund Khazanah Nasional Bhd — manages two grants on behalf of Mosti: the Commercialisation of R&D Fund (CRDF) and the Technical Acquisition Fund (TAF).

MTDC chief executive officer Datuk Norhalim Yunus said the corporation is proud to partner with fund-recipient companies as the projects they are involved in will improve the wellbeing of communities at large.

"This is one initiative within the MTDC ecosystem that allows our recipients to be able to give back to communities as concerted efforts will enable Malaysians to lead a better life," Norhalim said.

He said MTDC's commercialisation ecosystem has provided funding and assistance to over 500 technology-based companies.

"Currently MTDC manages six funds including CRDF, TAF, halal fund, start-up fund, business growth fund and the business expansion fund.

"Under the 11th Malaysia Plan which ends in 2020, RM900 million has been allocated to MTDC with RM156.97 million already approved under five funds except CRDF. We have already disseminated funds to 44 companies for the year," he said.

The eight companies are RVR Diagnostic Sdn Bhd, Membrane Technology Sdn Bhd, Norsym Sdn Bhd, Phytogold Sdn Bhd, Novapene Sdn Bhd, Triple A Engineering Sdn Bhd, LaDIY Healthcare Sdn Bhd and Cell Tissue Technology Sdn Bhd.

The eight recipients will be provided between RM300,000 to RM350,000, depending on the projects undertaken.

Community-related programmes will be undertaken to meet the needs and improve the wellbeing of various communities, including the poor, the elderly and women, through projects, services, skill upgrading or innovations utilising technologies developed by these eight companies, as well as several institutes of higher learning.

These programmes kickstarted last Saturday with five out of eight projects ending in January.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 17

TARIKH: 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Lapan syarikat terima dana biayai projek MSI

Oleh AKMYR SYAHAR AZWAR
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menganugerahkan dana kepada lapan penyedia perkhidmatan teknologi di bawah program Inovasi Sosial (MSI) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bernilai RM2.5 juta.

Lapan syarikat terbabit ialah RVR Diagnostics Sdn. Bhd; Membrane Technology Sdn. Bhd; Norsym Sdn. Bhd; Phytogold Sdn. Bhd; Novapave Sdn. Bhd; Triple A Engineering Sdn. Bhd; LaDIY Healthcare Sdn. Bhd. dan Cell Tissue Technology Sdn. Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunos berkata, semua penerima tersebut merupakan usahawan muda daripada Program Keusahawanan Siswazah MTDC atau Simbiosis yang bakal menjalankan pelbagai program dalam tempoh enam bulan.

Katanya, program yang bakal diadakan itu akan membantu orang ramai dan komuniti terutama golongan berusia, miskin dan wanita dalam memperbaiki ke-



NORHALIM YUNOS (tujuh dari kiri), **Dr. Ramzah Dambul** (enam dari kiri) dan **Setiausaha Kanan Bahagian Pengkomersialan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Suhaimi Hamzah** (tujuh dari kanan) bergambar bersama lapan pembekal teknologi dan perkhidmatan di bawah program Inovasi Sosial MOSTI di Kuala Lumpur, semalam.

perluan serta kesejahteraan hidup menerusi pelaksanaan inovasi menggunakan teknologi.

"MTDC berbangga untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat ini yang diwujudkan hasil kesinambungan penyelidikan di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan kerana projek yang dirancang akan memberi manfaat kepada masyarakat.

"Inisiatif ini adalah sebahagian daripada ekosistem MTDC supaya

syarikat-syarikat penerima dapat memberi faedah semula kepada masyarakat. Usaha bersepadu oleh semua pihak terlibat akan meningkatkan taraf kehidupan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menandatangani perjanjian kerjasama dengan lapan syarikat terbabit yang disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul di sini hari

ini.

Program yang dirancang termasuk kesedaran kesihatan, bekalan air bersih, kesedaran keusahawanan dan ekonomi pertanian, kesedaran peluang industri organik, naik taraf jalan luar bandar, pembinaan bangunan ser-

baguna, kesedaran kanser serviks dan rawatan luka parah.

Menurut beliau, program MSI dilaksanakan di bawah inovasi pengubah permainan meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi

keperluan sosial masyarakat.

"Bagi tahun ini, MOSTI memperuntukkan sejumlah RM25 juta untuk diagihkan kepada 28 agensi bagi melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) MSI. MTDC adalah satu daripada agensi penerima," jelasnya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B3
TARIKH: 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

MTDC, MOSTI meterai kerjasama RM2.5 juta

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) memeterai perjanjian kerjasama bernilai RM2.5 juta dengan lap

an penyedia teknologi/perkhidmatan di bawah inisiatif Inovasi Sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Inovasi Sosial MOSTI (MSI) adalah antara inisiatif yang dilaksanakan di bawah program pembawa perubahan inovasi, iaitu MOSTI diberi mandat oleh kerajaan, untuk melaksanakan projek mampan dan berimpak tinggi yang memacu permintaan, dengan kos rendah serta dilaksanakan dengan cepat.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus, berkata di bawah perjanjian itu, pelbagai projek, perkhidmatan, latihan dan langkah inovatif akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, yang terdiri daripada warga emas, golongan miskin dan wanita.

Bantu kesejahteraan masyarakat

"MTDC berbangga untuk bekerjasama dengan syarikat penerima Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) dan universiti kerana projek yang terlibat akan membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat," katanya kepada pemberita pada majlis pemeteraian perjanjian itu di Kuala Lumpur, semalam.

Syarikat yang terbabit dalam kerjasama itu ialah RVR Diagnostics Sdn Bhd, Membrane Technology Sdn Bhd, Norsym Sdn Bhd, Phytogold Sdn Bhd, Novapave Sdn Bhd, Tripple A Engineering Sdn Bhd, LaDIY Healthcare Sdn Bhd dan Cell Tissue Technology Sdn Bhd.

MTDC kini menguruskan lima dana, iaitu CRDF, Dana Pengambilalihan Teknologi (TAF), Dana Halal, Dana Syarikat Perniagaan Baharu (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF) dan Dana Pengembangan Perniagaan (BEF).

Dilaporkan MTDC akan membelanjakan RM163 juta pada tahun depan untuk meningkatkan aktiviti pengkomersialan dalam sektor teknologi.

TDC, anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Bhd, adalah penggiat utama dalam pengkomersialan dan pengurusan dana kerajaan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh.

BERNAMA



Di bawah perjanjian itu, pelbagai projek, perkhidmatan, latihan dan langkah inovatif akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat"

Norhalim Yunus,
Ketua Pegawai Eksekutif MTDC



Malaysia Nuclear Agency Yields Two New, Weather-Hardy Padi Strains

KUALA LUMPUR, Nov 14 (Bernama) -- **The Malaysia Nuclear Agency** has produced two new padi strains that can withstand uncertain weather conditions in the country.

